1. Gambar berikut menunjukkan bandar terancang Tamadun Indus



a. Nyatakan **dua** bandar terancang dalam Tamadun Indus.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

b. Huraikan ciri-ciri bandar terancang dalam gambar di atas.

_____

_____

_____

_____

_____

[4 markah]

c. Sebagai rakyat Malaysia, apakah ciri-ciri bandar terancang yang anda idamkan?

_____

_____

_____

_____

_____

[4 markah]

2. Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani pada tahun 528 Masihi bersamaan 6 Hijrah antara pihak Islam dengan orang Arab Quraisy. Peristiwa ini berlaku rentetan daripada rombongan orang Islam dalam perjalanan ke Makkah telah disekat di Hudaibiyah.

a) Nyatakan **dua** sebab Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam bercadang menziarahi Kota Makkah.

i. _____

ii. _____

(2 markah)

b) Jelaskan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan Islam?

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

c) Perjanjian Hudaibiyah yang dimeterai telah memperlihatkan ketokohan dan kebjiaksanaan Nabi Muhammad SAW untuk menyebarkan Islam secara lebih meluas dalam jangka masa panjang.
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

3. Jadual 1 menunjukkan kuasa imperialis Barat di Asia Tenggara.

Kuasa Barat	**Negara Jajahan**
Sepanyol	Filipina
X	Tanah Melayu
Y	Indo-China
Belanda	Indonesia

a) Namakan kuasa Barat yang bertanda :

i. X : _____

ii. Y : _____

(2 markah)

b) Mengapakah kuasa Barat berlumba-lumba untuk menguasai Asia Tenggara?

_____

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

c) Pernyataan berikut berkaitan dengan penjajahan bentuk baharu.

Penjajahan ekonomi, penjajahan minda, penjajahan budaya, penjajahan sosial adalah antara bentuk penjajahan yang terpaksa kita hadapi masa kini. Jika kita tidak berhati-hati penjajahan bentuk ini boleh merosakkan rakyat sekaligus negara.

Berikan ulasan anda.

_____

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

4. Gagasan pembentukan Rukun Negara merupakan kesan daripada Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa rusuhan kaum yang berlaku telah mengancam ketenteraman, keamanan dan keselamatan negara.

Prinsip Rukun Negara

- Kepercayaan Kepada Tuhan
- Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-Undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

a) Apakah matlamat Rukun Negara? :

i. _____

ii. _____ (2 markah)

b) Kepercayaan kepada Tuhan adalah prinsip pertama Rukun Negara. Jelaskan prinsip tersebut.

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

c) Rukun Negara penting untuk pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Berikan ulasan anda.

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

(4 markah)

Bahagian B

(Jawab **TIGA** soalan sahaja)

5. Tamadun Mesir Purba berkembang sejak Zaman Neolitik antara tahun 10000 S.M. hingaa 5000 S.M.

   a) Jelaskan sistem pemerintahan tamadun Mesir Purba. (4 markah)

   b) Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai "Anugerah Sungai Nil".
   Bagaimanakah masyarakat tamadun Mesir Purba memanfaatkan Sungai Nil bagi meningkatkan ekonominya? (8 markah)

   c) Masyarakat Mesir Purba mencapai kegemilangan dan meninggalkan warisan serta khazanah bangsanya untuk dikaji dan dipelajari sehingga ke hari ini.
   Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. (6 markah)

6. Kedatangan Islam telah membuka lembaran baharu dalam bidang pendidikan.

   a) Jelaskan perubahan yang berlaku dalam pendidikan formal selepas kedatangan agama Islam. (4 markah)

   b) Apakah ciri-ciri institusi pendidikan di bawah :

      i) Pendidikan pondok (4 markah)

      ii) Sistem Madrasah (4 markah)

   c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan institusi 6 (b) dalam perkembangan masyarakat Melayu? (8 markah)

7. Gambar berikut menunjukkan hairaki masyarakat feudal di Eropah.

   a) Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap. (6 markah)

   b) Sistem feudal di Eropah mempunyai persamaan dengan sistem feudal yang terdapat dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
   Jelaskan pernyatan tersebut. (6 markah)

   c) Pada Zaman Gelap pedagang Islam telah berjaya menguasai perdagangan di Eropah.
   Mengapakah masyarakat Eropah tidak mampu menyaingi pedagang Islam? (8 markah)

8. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan dasar British terhadap pekebun kecil getah.

Kerajaan penjajah British sememangnya ingin mengekalkan orang Melayu sebagai golongan petani dalam kerangka ekonomi penjajah.

a) Apakah tindakan British untuk mencapai matlamat tersebut? (4 markah)

b) Mengapakah British mahu mengekalkan orang Melayu sebagai golongan petani? (8 markah)

c) Selepas merdeka, kerajaan telah berjaya meningkatkan taraf hidup petani luar bandar.
Bincangkan. (8 markah)

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British telah melahirkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

a) Jelaskan kandungan penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. (4 markah)

b) Huraikan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada negara kita? (8 markah)

c) Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda kini perlu menghargai kemerdekaan yang telah kita capai? (4 markah)

10. Gambar berikut menunjukkan Jata Negara Malaysia.

a) Jelaskan maksud yang terdapat pada lambang-lambang berikut :

i. Dua ekor harimau. (2 markah)

ii. Bulan sabit. (2 markah)

b) Bagaimanakah anda dapat mengaplikasikan cogan kata *'Bersekutu Bertambah Mutu'* untuk memajukan negara? (8 markah)

c) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan lambang-lambang negara? (8 markah)

11. Maklumat berikut berkaitan dengan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia.

- Faktor Geografi
- Faktor Demografi

a) Bagaimanakah aktor di atas mempengaruhi dasar luar Malaysia? (4 markah)

b) Jelaskan tentang dasar luar Malaysia :

i. Tahap Pertama (4 markah)

ii. Tahap Ketiga (4 markah)

c) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara jiran? (8 markah)

-KERTAS SOALAN TAMAT-

Bil	Perkara	Nama	Tandatangan	Tarikh
1	Disediakan oleh	Hj. Yasmin b. Hashim (Guru Subjek)		19/ 07/ 2019
2	Disemak oleh	Pn. Angelia Tan (Ketua Panitia Sejarah)		20/ 07/ 2019
3	Diluluskan oleh	Pn. Suzi Suryia (Ketua Bidang Kemanusiaan)		20/ 07/ 2019